

SOALAN NO.39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
TARIKH :
SOALAN : 39**

YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) Berapakah bilangan mangsa Virus Rabies setakat ini dan apakah semua negeri terdedah dengan penyakit ini ; dan
- (b) Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi virus ini.

Tuan Yang DiPertua,

Kes terakhir rabies dalam kalangan manusia di Malaysia berlaku pada tahun 1998 dan sejak itu, tiada kes rabies dilaporkan sehingga 1 Julai 2017 iaitu kes di Serian Sarawak.

Pada 1 Julai 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memaklumkan bahawa terdapat kes rabies dari Daerah Serian Sarawak yang disahkan melalui ujian makmal pada 30 Jun 2017. Sehingga 17 Julai 2017, terdapat empat (4) kes rabies di Serian Sarawak dan kesemuanya telah meninggal dunia. Tiada kes rabies baru dilaporkan di Serian Sarawak dan sehingga kini, TIADA kes rabies dalam kalangan manusia di negeri-negeri lain di Malaysia.

Negara Malaysia telah diisytiharkan bebas rabies dalam kalangan anjing pada tahun 2013, namun begitu risiko jangkitan masih wujud kerana terdapat kes rabies dalam kalangan haiwan di negara-negara ASEAN seperti Indonesia dan Thailand.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi wabak rabies di Serian Sarawak, KKM telah melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan wabak rabies seperti berikut:

1. Membuka bilik gerakan untuk memantau kejadian dan menyelaraskan aktiviti kawalan dan pencegahan wabak;
2. Pengurusan kes jangkitan rabies;
3. Mengukuhkan aktiviti surveilans pemantauan kes gigitan anjing dan haiwan liar;
4. Memperkukuhkan pengurusan kes gigitan anjing dan haiwan liar;
5. Pengeluaran health alert kepada semua pengamal perubatan;

6. Menyediakan *stockpile* vaksin anti-rabies dan *rabies immunoglobulin* (RIG) yang mencukupi di Hospital Serian dan Hospital Umum Sarawak; dan
7. Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan penyakit rabies dan langkah pencegahannya.

Selain itu, bermula 1 Julai 2017, KKM juga telah pun melaksanakan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*active case detection*) kes gigitan anjing sehingga 10 km radius di sekitar kawasan yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies di Serian Sarawak.

Tuan Yang Di Pertua

Pada Julai 2015 sehingga Julai 2017, terdapat lima (5) negeri yang mempunyai kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan rabies iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (iaitu Daerah Serian) dan terbaru di Perak.

Aktiviti kawalan dan pencegahan terhadap wabak rabies sama ada dalam kalangan manusia (iaitu di Serian Sarawak) atau dalam kalangan haiwan (iaitu di empat (4) negeri yang lain) telah pun dilaksanakan bagi mengawal penularan virus rabies ini.

Bagi negeri-negeri yang bersempadan dengan Kalimantan Indonesia dan Thailand telah diminta untuk meningkatkan pemantauan kes gigitan anjing di negeri-negeri tersebut.

Stockpile vaksin anti-rabies dan RIG bagi rawatan kes gigitan anjing yang berisiko tinggi serta kemudahan rawatan di hospital-hospital

utama di setiap negeri telah dilaksanakan sebagai salah satu langkah kesiapsiagaan terhadap penyakit rabies.

KKM akan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi-agensi lain berkaitan dalam memastikan jangkitan virus rabies dalam kalangan manusia dan haiwan dapat dikawal dan tiada penularan berlaku.